



**GARIS PANDUAN
NAMA GEOGRAFI
DAN
PENAMAAN JALAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

26 SEPTEMBER 2019



GARIS PANDUAN NAMA GEOGRAFI DAN PENAMAAN JALAN RAYA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Kandungan

SEKSYEN I	
PRAKATA	4
PENGENALAN	4
RASIONAL DAN MANFAAT	5
SEJARAH	5–6
AHLI JAWATANKUASA KEBANGSAAN NAMA GEOGRAFI (JKNG)	7
FUNGSI	8
TANGGUNGJAWAB	8
PERATURAN MESYUARAT	8–9
PERATURAN TURUN PADANG	9
ADUAN DAN CADANGAN	9–10
LAKSANA	10
FAEDAH PENANDAAN LABEL	10
ARAHAN KERJA	11–13
RANGKA ALIRAN KERJA	14
PRINSIP PENEMPATAN	15
PRINSIP UTAMA PENAMAAN	15
NAMA YANG RASMI ATAU DIBENARKAN	15
NAMA OLEH AGENSI LAIN	16
BAHASA RASMI	16
BENTUK TULISAN	16–17
BENTUK DAN SIFAT SESUATU NAMA	17
KESERAGAMAN EJAAN NAMA	17
NAMA YANG LAZIM DIGUNAKAN OLEH MASYARAKAT	17–18
PENGGUNAAN NAMA ORANG	18
PENAMAAN BERDASARKAN SEMPADAN GEOGRAFI YANG TELAH DIKENAL PASTI	18
PENAMAAN ENTITI GEOGRAFI YANG TIDAK MEMPUNYAI NAMA	19
DUPLIKASI NAMA	19
PERUBAHAN NAMA	20
PENGGUNAAN UNSUR KETERANGAN	20
NAMA ENTITI GEOGRAFI YANG KECIL	20
NAMA GENERIK (UMUM)	21
NAMA LAIN ATAU TIDAK RASMI	21–22
PENGGUNAAN SINGKATAN DAN NOMBOR	22
ENTITI GEOGRAFI HIDOGRAFI LUAR PESISIR	22
PENAMAAN NEGARA ASING	23

SEKSYEN II

KRITERIA PENAMAAN JALAN	24
1. DASAR PEMILIHAN NAMA JALAN RAYA BARU	24–27
2. PENAMAAN NAMA JALAN RAYA YANG PANJANG	27
3. NAMA PUSING KELILING DAN JEJAMBAT	27–28
4. PENGGUNAAN PERKATAAN LORONG	28
GLOSARI	29

PRAKATA

Geografi dikenali sebagai nama-nama tempat atau nama-nama rupa bumi (*Place Names or Topographical Names*). Di Negara Brunei Darussalam, geografi digambarkan sebagai sejarah budaya kehidupan penduduk berbilang bangsa di sesuatu tempat/kawasan. Penghijrahan rakyat berbilang kaum dari pelbagai tempat ke suatu kawasan membentuk satu masyarakat dan sejarah. Penduduk-penduduk asal yang bermastautin dalam sesebuah perkampungan memberikan nama bagi kampung, sungai, tasik, bukit, gunung, dan yang terdapat dipersekutaran mereka, dengan menggunakan nama yang mereka ketahui dan gunakan dalam bahasa pertuturan mereka pada zaman tersebut.

Penamaan bertujuan memudahkan perhubungan mereka dan masyarakat sekeliling. Penamaan bagi sesuatu tempat/kawasan kerap diambil daripada legenda atau mitologi (*Legends or Mythology*), nama-nama pokok yang dilihat (*discernible trees*), dan fauna yang terdapat di kawasan berkenaan. Sebagai sebuah negara yang berbilang bangsa dan budaya, adalah penting bagi nama-nama berkenaan diselaraskan dari segi ejaan dan sebutan, terutama sekali yang berkaitan dengan Bahasa atau dialek tujuh puak jati Negara Brunei Darussalam.

Pada zaman ini, nama tempat dan rupa bumi yang terdapat di dalam peta memainkan peranan penting bagi aktiviti perekonomian, perdagangan, sosial dan politik, selain memudahkan perhubungan sesama manusia di seluruh dunia.

Jawatankuasa Kebangsaan Nama Geografi (JKNG), Negara Brunei Darussalam, berperanan penting dalam penstandardan nama-nama geografi bagi membantu pihak kerajaan, sektor swasta, pemeta, pendidik, penyebar maklumat, dan orang awam dalam memahami nama-nama geografi dari aspek sejarah, budaya, makna, penulisan, ejaan, dan sebutan.

PENGENALAN

Garis panduan toponimi ini merupakan manual prosedur kerja JKNG bagi menstandardkan penamaan geografi dan penamaan jalan raya Negara Brunei Darussalam. Penyediaan garis panduan ini bertujuan memenuhi resolusi yang telah diputuskan dalam Persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Penstandardan Nama Geografi (United Nations Conference on the Standardisation of Geographical Names) di Montreal pada 1987, yang menekankan perlunya setiap negara anggota merangka garis panduan toponimi.

RASIONAL DAN MANFAAT

Penggunaan nama geografi dan nama jalan raya yang selaras dan tepat merupakan unsur penting dalam perhubungan yang berkesan di seluruh dunia. Konsistensi (kemantapan atau ketekalan) penggunaannya juga membantu dalam pembangunan sosioekonomi dan pemuliharaan, serta pembentukan prasarana negara. Penggunaan satu nama geografi amat penting untuk mengelakkan berlakunya kesalahfahaman dan kekeliruan, seperti berikut:

- i. Nama yang berlainan digunakan bagi sesuatu tempat dan jalan raya yang sama;
- ii. Nama yang sama digunakan bagi tempat dan jalan raya yang berlainan;
- iii. Nama bagi suatu entiti dieja dengan cara yang berlainan;
- iv. Nama yang diberikan bagi sesuatu ciri dibuat dengan cara yang tidak sewajarnya.

Standardisasi penamaan geografi dan penamaan jalan raya di negara ini penting bagi keperluan rujukan yang berkaitan dengan pembangunan sistem komunikasi, pengangkutan, carta dan peta yang tepat, dan sebagainya. Penamaan geografi dan penamaan jalan raya yang standard juga berperanan sebagai salah satu identiti negara di samping menyerlahkan budaya, warisan, dan landskapnya.

SEJARAH

United Nations Group of Experts on Geographical Names (UNGEGN) merupakan antara tujuh badan pakar tetap (Expert Body) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang bernaung di bawah United Nations Economic And Social Council (UN-ECOSOC) yang dibentuk berdasarkan Resolusi ECOSOC No 715A (XXVII) pada 23 April 1959 dan No 1314 (XLIV) pada 31 Mei 1968. Penubuhan UNGEGN bertujuan memajukan piawaian (standardization) penamaan geografi pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Sejak 1960, Negara Brunei Darussalam menjadi ahli United Nations Group of Experts on Geographical Names (UNGEGN) bagi Asia South East and Pacific South West Division. Ahli-ahlinya terdiri daripada Australia, Bhutan, Brunei Darussalam, Cambodia, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, New Zealand, Nauru, Papua New Guinea, Filipina, Singapura, Sri Lanka, Thailand, Amerika Syarikat, Vanuatu dan Vietnam.

Pada 5 Jun 1976, Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Brunei memutuskan untuk menubuhkan Jawatankuasa Nama-nama Ilmu Alam Negara Brunei Darussalam. Jawatankuasa tersebut melantik

Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai pengerusi dan ahli-ahlinya terdiri daripada Juruukur Agung, Pengarah Pelajaran, Pengarah Muzium, dan keempat-empat Pegawai Daerah.

Seiring dengan perkembangan semasa, pada tahun 1976, dengan kebenaran Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Jawatankuasa Nama-nama Ilmu Alam telah dinaik taraf sebagai Jawatankuasa Kebangsaan Nama Geografi (JKNG), Negara Brunei Darussalam. JKNG telah mengadakan mesyuarat kali pertama pada 23 Rejab 1427/17 Ogos 2006 di Bilik Laila Muafakat, Dewan Bahasa dan Pustaka, Berakas.

Negara Brunei Darussalam giat melibatkan diri dalam program dan kegiatan yang dianjurkan oleh UNGEGN. Dengan penglibatan tersebut, Negara Brunei Darussalam telah diberi penghormatan menjadi Pengerusi Bahagian bagi Sesi 2004–2007, dan Yang Mulia Pengiran Haji Matusin bin Pengiran Haji Matasan, iaitu Juruukur Agung selaku Pengerusi. Pada tahun 2008/2009, tanggungjawab pengerusi JKNG telah dimandatkan kepada Juruukur Agung Negara Brunei Darussalam. Pertukaran tersebut selaras dengan bidang tugas Jabatan Ukur sebagai jabatan pengeluar peta, pengendali nombor-nombor rumah dan simpang, serta menjadi Jawatankuasa Sempadan Mukim dan Kampung.

Pada 25 Oktober 2010, JKNG yang dipengerusi oleh Juruukur Agung diberi tanggungjawab berkaitan dengan penamaan jalan-jalan **raya di bawah Daerah dan Bandaran**. Ketetapan ini disampaikan melalui memorandum  daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Pada 27 Februari 2012, berdasarkan keputusan 19th UNGEGN Asia South East & Pacific South West (UNGEGN ASEPSW) Divisional Meeting di Marriot Manila, Filipina, UNGEGN ASEPSW telah diasingkan menjadi UNGEGN Asia Southeast Division dan UNGEGN Pacific Southwest Division. Perubahan ini disokong dalam mesyuarat 27th Session of UNGEGN, New York pada 30 Julai 2012. Negara-negara ahli UNGEGN ASE Division terdiri daripada Bhutan, Brunei Darussalam, Cambodia, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Sri Lanka, Thailand, dan Vietnam. Dengan yang demikian, 20th Divisional Meeting of UNGEGN ASEPSW telah diganti dan menjadi 1st Divisional Meeting of UNGEGN ASE, yang diadakan pada 14 Mei 2013 di Empire Hotel and Country Club, Brunei Darussalam.

Antara tujuan perkumpulan pakar ahli *UNGEGN* ialah:

- i. Menjana konsistensi dalam penggunaan nama-nama tempat;
- ii. Menyediakan satu forum bagi menggalakkan nama geografi negara dan antarabangsa yang seragam;
- iii. Memantapkan kepentingan piawaian nama-nama geografi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa serta manfaatnya;
- iv. Mengumpulkan hasil daripada kerja-kerja setiap negara ahli;
- v. Membincangkan dan mencadangkan polisi, prinsip dan tatacara yang bersesuaian dalam menyelesaikan kaedah-kaedah piawaian di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

AHLI JAWATANKUASA KEBANGSAAN NAMA GEOGRAFI (JKNG) NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGERUSI : Juruukur Agung, Jabatan Ukur

TIMBALAN PENGERUSI : Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka

SETIAUSAHA BERSAMA : Jabatan Ukur
Dewan Bahasa dan Pustaka

URUS SETIA : Jabatan Ukur
Dewan Bahasa dan Pustaka

AHLI :

1. Awang Dr. Haji Muhammad Hadi bin Haji Muhamad Melayong – Majlis Tertinggi MIB
2. Pengiran Hajah Mahani binti Pengiran Haji Ahmad – Pengetua Pusat Sejarah Brunei
3. Universiti Brunei Darussalam /Wakil
4. Pengarah Penerangan, Jabatan Penerangan /Wakil
5. Pengarah Jabatan Muzium-Muzium /Wakil
6. Pengarah Jabatan Perkembangan Kurikulum /Wakil
7. Pegawai Daerah Brunei Muara /Wakil
8. Pegawai Daerah Tutong /Wakil
9. Pegawai Daerah Belait /Wakil
10. Pegawai Daerah Temburong
11. Pengerusi Lembaga Jabatan Bandaran, B.S.B. /Wakil
12. Pengerusi Lembaga Jabatan Bandaran Tutong /Wakil
13. Pengerusi Lembaga Jabatan Bandaran Kuala Belait / Seria /Wakil
14. Pejabat Pengarah Saliran Dan Pembetungan, JKR /Wakil
15. Pejabat Pengarah Jalan Raya, JKR /Wakil
16. Pesuruhjaya Perancang Bandar Dan Desa /Wakil
17. Pesuruhjaya Tanah, BSB /Wakil

FUNGSI

Antara fungsi utama JKNG ialah:

- i. Menentukan nama geografi dan penamaan jalan raya yang betul pada peta;
- ii. Menentukan ejaan yang betul;
- iii. Menentukan gaya penulisan;
- iv. Menentukan sebutan yang betul.

TANGGUNGJAWAB

Antara tanggungjawab JKNG ialah:

- i. Merangka garis panduan nama geografi dan penamaan jalan raya kebangsaan;
- ii. Membangunkan pangkalan data nama geografi kebangsaan dan gazetir kebangsaan;
- iii. Menggalakkan penggunaan nama rasmi;
- iv. Menentukan nama geografi yang betul pada peta;
- v. Menentukan nama geografi dan penamaan jalan raya yang betul dari aspek ejaan, gaya penulisan dan sebutan serta mengelakkan nilai sejarah bagi nama.

PERATURAN MESYUARAT

- i. Urus setia akan meng-e-melkan senarai nama geografi dan nama jalan raya berserta peta kepada semua ahli selewat-lewatnya dua minggu sebelum mesyuarat diadakan;
- ii. Tempat bermesyuarat di Jabatan Ukur atau di tempat lain yang difikirkan bersesuaian;
- iii. Minit mesyuarat disediakan oleh Setiausaha Bersama JKNG; dan
 - a) Jabatan Ukur akan menyediakan minit mesyuarat dalam masa tiga minggu, dan diedarkan melalui e-mel kepada Urus Setia Dewan Bahasa dan Pustaka untuk penyemakan;
 - b) Dewan Bahasa dan Pustaka akan menyemak minit mesyuarat dalam masa satu minggu, dan mengembalikan semula kepada Urus Setia, Jabatan Ukur untuk pembetulan jika ada;
 - c) Urus Setia, Jabatan Ukur akan membuat pembetulan dalam masa satu minggu dan mengedarkannya kepada semua ahli untuk ulasan dan tindakan sekurang-kurangnya dua minggu sebelum tarikh mesyuarat akan datang.

PERATURAN TURUN PADANG

- i. Urus Setia akan turun ke lapangan bagi membuat penyelidikan dan berjumpa dengan penghulu mukim, ketua kampung dan penduduknya;
- ii. Urus setia akan mengedarkan senarai nama geografi dan cadangan nama jalan raya berserta peta kepada semua ahli selewat-lewatnya dua minggu sebelum mesyuarat diadakan bagi memberi ulasan dan pandangan;
- iii. Ahli JKNG bertangungjawab membuat keputusan, jika terdapat tempat atau keadaan kawasan yang tidak memperlihatkan ciri asal atau terdapat keraguan dengan nama yang diperoleh.

ADUAN DAN CADANGAN

Sebarang aduan dan cadangan akan diambil perhatian dan tindakan mengikut langkah-langkah seperti yang berikut:

- i. Urus Setia akan membuat penyelidikan awal mengenai aduan dan cadangan dengan berpandukan peta dan kerja lapangan (**jika perlu**) dalam masa dua minggu selepas menerima aduan atau cadangan;
- ii. Laporan dan peta berkaitan dengan aduan dan cadangan akan disediakan dalam masa satu minggu setelah penyelidikan dilakukan;
- iii. Sesi perjumpaan bagi membincangkan/menerangkan hasil penyelidikan bersama penghulu mukim, majlis perundungan kampung, ketua kampung dan penduduknya akan diadakan (**jika perlu**);
- iv. Cadangan-cadangan yang telah dipersetujui akan dibincangkan dalam mesyuarat JKNG untuk diluluskan;
- v. Permohonan kebenaran akan dihadapkan kepada Kementerian Pembangunan, jika cadangan-cadangan tersebut mendapat kelulusan daripada JKNG. Kebenaran bagi jalan raya yang termasuk dalam kawasan bandaran yang telah mendapat kelulusan daripada Kementerian Pembangunan juga akan dihadapkan kepada Jabatan Lembaga Bandaran. Nama jalan raya akan diwartakan dalam masa dua minggu setelah diluluskan.

LAKSANA

Setelah dipersetujui oleh Ahli-ahli Jawatankuasa, kerja-kerja penentuan dan peletakan label nama geografi dan penamaan jalan dilaksanakan oleh tiga jabatan yang berikut:

- i. Jabatan Ukur - Pelaksanaan penentuan kedudukan di atas peta
- ii. Dewan Bahasa dan Pustaka – Pelaksanaan ejaan Jawi dan Rumi
- iii. Ketua Pengarah Kerja Raya/ Jabatan Jalan Raya, Jabatan Kerja Raya – Plaksanaan perletakan penandaan label di lapangan.

FAEDAH PENANDAAN LABEL

- Mentadbir setiap kawasan dan penduduk
- Merealisikan penetapan tanda label
- Mengenal pasti kedudukan penempatan
- Memudahkan dalam perancangan

ARAHAN KERJA

Teknik atau kaedah pengurusan yang digunakan:

- a) Panduan Manual Prosedur Kerja bagi Toponimi

BAHAGIAN	PEMETAAN GEOSPATIAL
:	
UNIT	PERKHIDMATAN PEMETAAN GEOSPATIAL (GMS)
FUNGSI UTAMA	<ul style="list-style-type: none"> ▶ MENDAFTAR, MEMPROSES DAN MENGELOUARKAN PERMOHONAN DATA DAN PETA ▶ MEMASTIKAN SETIAP PERMOHONAN MENURUT AKTA KESELAMATAN PETA ▶ MEMBUAT PENYELIDIKAN DAN MENGEMASKINIKAN NAMA-NAMA GEOGRAFI DAN NAMA-NAMA JALAN RAYA ▶ SEBAGAI AHLI JAWATANKUASA KEBANGSAAN NAMA GEOGRAFI ▶ MEMPROSES PERMOHONAN PENOMBORAN RUMAH DAN SIMPANG ▶ MENYELARAS DAN MENGEMASKINI PENOMBORAN RUMAH ▶ MEMBUAT PEMASANGAN DAN PEMULIHARAAN SIMPANG
AKTIVITI KERJA	TOPONOMI (MPKGSM009)
OBJEKTIF	MENGUMPUL DAN MENGEMASKINIKAN NAMA GEOGRAFI DAN PENAMAAN JALAN

Input Proses:

UKUR 084

Lembaran Peta BR10

Penyenaraian nama dari peta

Maklumat dari komuniti

Jawatankuasa JKNG

Imej

Cadangan / Permohonan Kerajaan / Agensi swasta

Output Proses:

Gazetteer Kebangsaan

Peta

Nama jalan baru / kemas kini / Nama jalan dilabel di jalan raya

Bil	Aliran Kerja	Tanggungjawab	Penunjuk Kualiti	Rujukan	Tempoh Masa
Proses Pengumpulan / Penyemakan Nama Geografi dan Nama Jalan					
1 .1	Nama Geografi: Mengenal Pasti Kawasan (jika perlu)	Sekretariat JKNG	Memastikan: <ul style="list-style-type: none"> - Kawasan / lokasi yang betul 	Objektif Perancangan Kualiti (QPO) Lembaran Peta BR10 Minit/Memo/Surat	1 hari
1.2	Nama Jalan: Atas Permohonan	Sekretariat JKNG	Memastikan: <ul style="list-style-type: none"> - Kawasan / lokasi yang betul 	Peta jalan yang sedia ada Minit/Memo/Surat	
2	Menyediakan Jadual Kerja lapangan	Sekretariat JKNG	Memastikan: <ul style="list-style-type: none"> - Jadual yang sesuai (kawasan, masa diperlukan, pasukan, pengangkutan) - Peta / Imej - GPS 	Jadual Program Senarai Cadangan Nama Geografi/Nama Jalan Peta	3 hari
3	Kerja Lapangan (kaji semula/ kemas kini / mengenal pasti cadangan nama geografi dan nama jalan)	Sekretariat JKNG	Memastikan: <ul style="list-style-type: none"> - Ketersediaan penyediaan maklumat - Pengangkutan disediakan - Menghubungi ketua kampung melalui pegawai daerah - Pengetahuan penduduk tempatan mengenai maklumat geografi / jalan raya - Maklumat yang dirakam - Peta - GPS - Imej 	Memorandum / Dokumentasi UKUR084 UKUR001 Maklumat yang dirakam Senarai Geografi/ Nama Jalan Peta	1 hari
4	Kemas kini/ Penyuntingan	Sekretariat JKNG	Memastikan: <ul style="list-style-type: none"> - Ketepatan data yang dimasukan 	Pangkalan Data Nama Geografi Minit/Memo UKUR084 Peta GPS	5 hari
Proses Kelulusan Nama Geografi / Nama Jalan					
5	Mesyuarat JKNG bertujuan Meluluskan Nama Geografi/Nama Jalan (Jika tidak diluluskan gunakan langkah No. 3)	Jawatankuasa JKNG	Memastikan: <ul style="list-style-type: none"> - Semua jawatankuasa dijemput - Tarikh, tempat, masa mesyuarat - Kelulusan daripada jawatankuasa 	Memo/e-mel Dokumentasi Minit Mesyuarat Senarai Nama Geografi/ Nama Jalan Peta	1 hari
Bil	Aliran Kerja	Tanggungjawab	Penunjuk Kualiti	Rujukan	Tempoh Masa

6	Mengumpulkan Kebenaran Nama Geografi/ Nama Jalan (Untuk Nama Geografi gunakan langkah No. 11)	Jawatankuasa JKNG	Memastikan: - Nama yang diluluskan didokumentasikan, diperbetulkan, dikemas kinikan dan disahkan - Maklumat yang betul	Peta Memo Senarai Geografi / Nama Jalan Minit Mesyuarat	1 hari
7	Nama Jalan di luar Sempadan Perbandaran dihadapkan untuk mendapatkan kelulusan SUT MOD	Sekretariat JKNG	Memastikan: - Melampirkan Peta lokasi - Penyenaraian Nama Jalan	Peta Memo Minit Mesyuarat Senarai Nama Jalan	1 hari
8	Nama Jalan di Sempadan Perbandaran dihadapkan kepada Pengerusi Jabatan Perbandaran BSB untuk mendapatkan kelulusan	Sekretariat JKNG	Memastikan: - Melampirkan peta lokasi - Penyenaraian Nama Jalan - Maklumat yang betul	Peta Memo Minit Mesyuarat Senarai Nama Jalan	1 hari
9	Menghadapkan memo kepada Dewan Bahasa dan Pustaka untuk memohon khidmat tulisan Jawi dan tulisan Rumi bagi nama jalan yang diluluskan	Sekretariat JKNG	Meastikan: - Melampirkan peta lokasi - Penyenaraian Nama Jalan - Maklumat yang betul	Peta Memo Senarai Nama Jalan	1 hari
10	Menghadapkan Nama Jalan yang Diluluskan kepada Pengarah Kerja Raya- Pengarah Jabatan Jalan Raya untuk Pelabelan di jalan	Sekretariat JKNG	Memastikan: - Melampirkan peta lokasi - Penyenaraian Nama Jalan - Maklumat yang betul	Peta Memo Senarai Nama Jalan	1 hari
11	Pengedaran nama Geografi/Nama Jalan yang diluluskan akan dikemas kini dalam pangkalan data pemetaan	Unit GMC JU KJTU JTU PBG	Memastikan: - Maklumat lengkap/senarai	Dokumentasi Peta Pangkalan data pemetaan	1 hari


Catatan:

Tempoh hari mengikut jumlah hari bekerja.

Jumlah hari yang diperlukan ialah 17 hari

RANGKA ALIRAN KERJA - TOPONOMI (WPGSM009)

***terdapat kesalahan ejaan dlm rajah di bawah**



PRINSIP PENEMPATAN

Pemilihan dan penempatan jenis adalah penting, bukan sahaja kepada pengguna, tetapi juga kerana kesannya dalam penampilan terakhir. Pemilihan jenis dan penempatan adalah tertakluk kepada jenis, saiz dan kepentingan relatif ciri yang dikenalpasti.

Kedudukan pilihan digariskan untuk memastikan standard pelabelan jika di dalam dua kampung dan/atau dua daerah dari Timur ke Barat.

PRINSIP UTAMA PENAMAAN

Prinsip JKNG ialah menyeragamkan kaedah penentuan penamaan baru atau perubahan nama geografi dan penamaan jalan raya di Negara Brunei Darussalam ke arah penggunaan nama geografi dan penamaan jalan raya yang konsisten dan tepat. Dengan adanya prinsip ini, tidak bermakna semua nama geografi dan penamaan jalan raya yang sedia ada perlu disemak semula dan diubah. Nama yang kurang elok dari segi sebutan, makna, atau berkonotasi negatif dicadangkan supaya ditukar. Umumnya, penentuan nama hendaklah mematuhi perkara seperti yang berikut:

- i. Prinsip yang telah ditetapkan dalam perjanjian antarabangsa;
- ii. Dasar dan prinsip yang dibentuk dan diterima oleh Jawatankuasa Kebangsaan Nama Geografi (JKNG).

1. Nama yang Rasmi atau Dibenarkan

Bentuk ejaan bagi penamaan geografi dan penamaan jalan raya yang telah diluluskan oleh pihak berkuasa penamaan di peringkat kebangsaan, dianggap sebagai nama yang rasmi dan dibenarkan. Dokumentasi lengkap proses persetujuan hendaklah disertai dengan nama alternatif, nama asal atau nama lama menurut sejarah, dan bentuk variasinya yang lain. Keputusan yang muktamad hendaklah didokumentasikan bagi rujukan dan penilaian semula oleh pihak berkuasa bagi penamaan berkenaan.

2. Nama oleh Agensi lain

Nama yang dipilih oleh agensi lain hendaklah dikemukakan kepada JKNG untuk diluluskan dan diwartakan.

3. Bahasa Rasmi

Bahasa rasmi Negara Brunei Darussalam ialah bahasa Melayu. Pada amnya, penamaan tempat hendaklah menggunakan bentuk, ejaan dan gaya bahasa Melayu standard yang ditetapkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Negara Brunei Darussalam. Walaupun ejaan baku pada umumnya ditetapkan kepada peraturan bahasa Melayu, namun ejaan berkenaan juga menggambarkan sejarah ejaan atau bentuk yang lazim digunakan ataupun yang digemari oleh penduduk tempatan (terdiri daripada 7 puak jati Brunei).

Oleh yang demikian, penamaan seumpama ini boleh mengambil kata dari segi tatabahasanya yang tidak betul, salah eja, salah gabung, atau kata yang dipendekkan. Dalam hal-hal atau keadaan tertentu, amalan menamakan tempat hendaklah mengambil kira bahasa yang dituturkan oleh masyarakat yang terdiri daripada 7 puak jati Brunei.

4. Bentuk Tulisan

Pada dasarnya, satu bentuk bahasa digunakan untuk menamakan satu-satu entiti, walaupun bentuk lain boleh digunakan jika dibenarkan oleh pihak berkuasa dalam penamaan berkenaan.

Penamaan hendaklah ditulis dalam ejaan Rumi dan Jawi. Penamaan yang berasal daripada bahasa lain selain bahasa Melayu, boleh digunakan jika diterima oleh pihak berkuasa dalam penamaan dan masyarakat (7 puak jati Brunei) yang menuturkan bahasa berkenaan.

Penamaan geografi dan penamaan yang berbentuk rangkai kata hendaklah dieja sepenuhnya dengan huruf besar dan huruf kecil. Abjad pertama setiap kata hendaklah menggunakan huruf besar, kecuali jika terdapat partikel dan kata sendi pada nama berkenaan.

Contohnya:

Sg. Brunei dieja menjadi **Sungai Brunei**

Kg. Sg. Siamas dieja menjadi **Kampung Sungai Siamas**

Bkt. Kuala Lubuk dieja menjadi **Bukit Kuala Lubuk**

Jln. Bunga Gambir dieja menjadi **Jalan Bunga Gambir**

Jln. Sg. Siamas dieja menjadi **Jalan Sungai Siamas**

Jln. Bkt. Kuala Lubuk dieja menjadi **Jalan Bukit Kuala Lubuk**

5. Bentuk dan Sifat Sesuatu Nama

Nama entiti geografi hendaklah terdiri daripada kata atau rangkai kata yang dapat dikenali, diterima dan tidak menyinggung sensitiviti masyarakat.

Pihak berkuasa penamaan akan menolak cadangan nama yang mempunyai implikasi diskriminasi, menghina kaum atau etnik, jantina, agama, penamaan yang berkonotasi negatif dan penamaan yang dianggap lucu atau bercanggah dengan Falsafah Melayu Islam Beraja. JKNG berhak untuk menukar nama yang menyinggung sensitiviti dari segi sebutan, makna, atau konotasi negatif.

Nota:

- Nama hendaklah mudah disebut, dieja, dan ditulis;
- Ringkas, padat dan tidak melebihi 50 huruf;
- Kata atau rangkai kata mudah dikenali;
- Selaras dengan kebiasaan masyarakat;
- Nama yang terbentuk daripada rangkai kata yang tidak lazim atau janggal, termasuklah rangkai kata daripada bahasa lain.

6. Keseragaman Ejaan Nama

Penamaan bagi tempat dan jalan raya asal yang sama serta digunakan pada pelbagai kemudahan perkhidmatan dalam sesuatu komuniti hendaklah selaras ejaannya dengan nama rasmi bagi komuniti berkenaan. Nama yang berkaitan dengan entiti geografi yang sama dalam sesebuah komuniti hendaklah selaras dari segi bentuk dan ejaannya.

Nota:

- Penamaan yang berbentuk nama terbitan atau nama yang berasal daripada sumber yang sama hendaklah mempunyai ejaan yang sama.

7. Nama yang Lazim Digunakan oleh Masyarakat

Penamaan yang telah lama digunakan oleh masyarakat di sesebuah tempat hendaklah dikekalkan dan diutamakan, kecuali jika terdapat hal-hal yang munasabah untuk mengantikannya.

8. Penggunaan Nama Orang

Penamaan yang menggunakan nama orang digalakkan untuk diabadikan atas sumbangan yang bermakna kepada negara atau kepada kawasan berkenaan.

Pemilikan harta tanah tidak menjadi asas bagi permohonan memberikan nama pemilik kepada entiti geografi. Walau bagaimanapun, jika penamaan tersebut berasal daripada nama pemilik berkenaan, sama ada hidup atau meninggal dunia dan lazim digunakan, maka garis panduan 8 akan diutamakan.

9. Penamaan Berdasarkan Sempadan Geografi yang telah Dikenal Pasti

Sesuatu cadangan nama untuk sesuatu entiti geografi hendaklah diputuskan berdasarkan sempadan geografi yang telah dikenal pasti.

Jika entiti geografi itu terletak seluruhnya dalam satu kawasan, seperti kampung atau mukim, maka kampung atau mukim berkenaan akan menentukan cara entiti geografi itu dinamakan. Sekiranya entiti geografi itu merentasi sempadan daerah, maka nama yang digunakan untuk merujuk kepada entiti geografi itu hendaklah sama di kedua-dua belah sempadan berkenaan. Asas memilih nama entiti geografi sedemikian hendaklah hasil kesepakatan antara kedua-dua pihak berkuasa penamaan tersebut dan perlulah diterbitkan dengan sempurna dalam peta yang berkenaan.

Nota:

- Sempadan entiti geografi yang telah dikenal pasti mestilah dicatat. Penggunaan kata umum yang sama bagi sebahagian daripada entiti geografi berkenaan dengan keseluruhan entiti geografi tersebut hendaklah dielakkan.
- Garis panduan ini bertujuan mengelakkan penggunaan lebih daripada satu nama dengan kata umum yang serupa untuk bahagian-bahagian yang berlainan bagi entiti geografi yang sama. Apabila memberikan nama baru bagi sungai, lebuh raya, gunung, atau entiti geografi yang seumpamanya, seluruh entiti geografi yang akan diberikan nama hendaklah dikenal pasti dengan jelas melalui peta atau carta terbaik yang sedia ada.

10. Penamaan Entiti Geografi yang Tidak Mempunyai Nama

Bagi penamaan entiti geografi yang tidak mempunyai nama lain atau nama tempatan, tetapi jalan raya tersebut telah digunakan, beberapa perkara seperti yang berikut hendaklah diutamakan:

- i. Nama yang sesuai dengan sifat entiti geografi;
- ii. Nama peneroka;
- iii. Nama tokoh atau perwira yang berasal dari kawasan tersebut;
- iv. Sejarah yang berhubung dengan kawasan berkenaan;
- v. Kata daripada bahasa orang tempatan (terdiri daripada 7 puak jati Brunei) yang dikaitkan dengan kawasan.

11. Duplikasi Nama

Pada dasarnya, nama tempat dan jalan raya diwujudkan untuk menyediakan tunjuk arah dan rujukan yang tepat bagi mengenal pasti entiti geografi. Dalam hal ini, duplikasi nama tempat dalam kawasan pentadbiran kecil hendaklah dielakkan bagi menghindarkan kekeliruan dan kesalahfahaman. Oleh yang demikian, sebelum penamaan baru diberikan, penyemakan bagi memastikan nama tersebut telah digunakan dalam kawasan pentadbiran berkenaan atau sebaliknya hendaklah dilakukan. Jawatankuasa berhak untuk menukar atau mengubah suai satu atau kesemua nama tersebut jika menimbulkan kekeliruan.

12. Perubahan Nama

Penamaan geografi bertindak sebagai rujukan atau fungsi label penting dalam bahasa. Setiap nama berfungsi untuk menjelaskan tentang sesuatu rupa alam geografi, tempat atau kawasan yang tertentu.

Jawatankuasa hendaklah mengkaji semua cadangan yang melibatkan perubahan nama dan setiap kes hendaklah dinilai sebelum diluluskan. Setiap penamaan yang telah digunakan dan ditandakan di atas tanah tidak perlu diubah.

13. Penggunaan Unsur Keterangan

Unsur keterangan digunakan bagi membezakan dua atau lebih entiti geografi yang mempunyai bentuk spesifikasi yang sama. Kata ini boleh diambil daripada nama tempatan atau entiti geografi yang lain dan ditambah dengan perkataan seperti ‘baru’, ‘kecil’ dan sebagainya. Petunjuk *cardinal* boleh digunakan dalam penamaan geografi, tetapi bagi nama baru, perbezaanya hendaklah jelas.

Nota:

- Jika terdapat lebih daripada satu nama geografi pada satu tempat yang tidak diketahui arahnya, nama kawasan seperti ‘kiri’ atau ‘kanan’ dan ‘ulu’ atau ‘kuala’ hendaklah digabungkan bersama.

14. Nama Entiti Geografi yang Kecil

Penamaan bagi entiti geografi yang kecil dibenarkan, berdasarkan kepentingannya dan berpandukan skala pemetaan yang sedia ada, kecuali nama tersebut telah digunakan oleh orang tempatan atau telah menjadi ristaan sejarah.

Nota:

- Jika entiti geografi itu terlalu kecil (misalnya, Makam Sultan Bolkiah), nama berkenaan lazimnya ditolak untuk dimasukkan ke dalam gazetir atau ditera pada peta. Namun, nama sedemikian boleh diterima bergantung pada status yang diberikan oleh JKNG bagi entiti geografi berkenaan, dan hendaklah direkodkan dalam Pangkalan Data Nama Geografi Kebangsaan.

15. Nama Generik (Umum)

Penamaan geografi terdiri daripada unsur generik (umum) dan unsur spesifik (khas). Nama generik (umum) dalam penamaan geografi yang diluluskan, hendaklah sesuai dengan sifat entiti geografi berkenaan.

Nota:

- Kata generik (umum) merupakan bahagian nama tempat yang menunjukkan jenis entiti geografi yang ditentukan, misalnya ‘Bukit’ dalam Bukit Teraja, ‘Sungai’ dalam Sungai Meragang. Kata generik (umum) yang sesuai hendaklah menjadi sebahagian daripada nama bagi entiti geografi berkenaan apabila diwartakan.

16. Nama Lain atau Tidak Rasmi

Penggunaan nama lain atau tidak rasmi dibenarkan untuk tujuan kejelasan atau rujukan. Nama tersebut ditulis dalam tanda kurung, sama ada selepas atau di bawah nama rasmi. Nama rasmi hendaklah diutamakan dan penggunaan nama lain yang tidak rasmi tidak dibenarkan.

Nota:

- Antara sebab nama-nama lain dibenarkan ialah:
 - i. Menunjukkan nama lain yang digunakan oleh orang tempatan pada masa kini atau sebelumnya;
 - ii. Menunjukkan nama sebelumnya yang telah diubah;
 - iii. Menunjukkan nama asing bagi entiti geografi yang merentasi sempadan antarabangsa;
 - iv. Menunjukkan nama tempatan dan jalan raya yang digunakan hanya pada bahagian satu-satu entiti geografi;
 - v. Menunjukkan nama alternatif dalam bahasa Inggeris.

17. Penggunaan Singkatan dan Nombor

Nama generik (umum) bagi nama dan beberapa penerang boleh disingkatkan di dalam peta, papan tanda dan ilustrasi, misalnya, **sungai – sg., jalan – jln., bukit – bkt., tanjung – tj.** dan **sekolah – sek..** Walau bagaimanapun, nama generik (umum) digalakkan untuk dieja sepenuhnya jika ruang mencukupi.

Nombor pada nama hendaklah dieja, misalnya, **Manggis SatudanLumut Satu**, kecuali untuk menunjukkan lambang angka, misalnya, **Jalan 2** dan **Ban 3**. Penomboran menggunakan angka Roman adalah tidak dibenarkan. Singkatan hendaklah mengikuti garis panduan yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam.

18. Entiti Geografi Hidografi Luar Pesisir

Penamaan entiti geografi semasa air pasang (entiti geografi yang kekal di atas paras laut), entiti geografi semasa air surut (entiti geografi yang kelihatan semasa air surut) dan entiti geografi dasar laut yang berada dalam kawasan laut Negara Brunei Darussalam ialah melalui Jawatankuasa Kebangsaan Nama Geografi. Entiti geografi semasa air pasang, entiti geografi semasa air surut, entiti geografi dasar laut yang terletak dalam Zon Ekonomi Eksklusif Negara Brunei Darussalam dan dalam kawasan pelantar hendaklah dinamakan menurut garis panduan untuk **penerangan nama rupa alam di bawah laut** yang dikeluarkan oleh *International Hydrographic Organisation* dan *Intergovernmental Oceanographic Commission (IHO/OC Publication B-6)*. Cadangan nama entiti geografi di bawah laut pesisir hendaklah dikemukakan kepada JKNG melalui Jabatan Ukur untuk penyelarasan.

19. Penamaan Negara Asing

Penamaan negara asing hendaklah dieja dalam bahasa Melayu atau diterjemahkan jika perlu. Nama yang digunakan hendaklah berdasarkan senarai nama negara dalam bahasa Inggeris yang diterbitkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, sementara senarai nama khusus bagi dalam negeri hendaklah dieja dalam bahasa Melayu mengikut garis panduan yang diterbitkan oleh JKNG.

SEKSYEN II

KRITERIA PENAMAAN JALAN RAYA

Kesesuaian nama dengan jalan raya yang dicadangkan adalah seperti yang berikut:

- i. Nama yang biasa digunakan oleh masyarakat setempat (terdiri daripada 7 puak jati Brunei);
- ii. Nama bersumberkan ristaan daripada orang-orang tua;
- iii. Nama pekerjaan, ekonomi, industri, kraf tangan, permakanan, perhiasan, dan nama bangunan yang bersejarah di kawasan berkenaan;
- iv. Bertepatan dengan pembangunan di sekelilingnya.

1. Dasar Pemilihan Nama Jalan Raya Baru

Pemilihan nama jalan raya baharu ataupun yang sedia ada hendaklah mengikut seperti dalam garis panduan iaitu:

1.1 Nama Mantap

- i. Tidak akan diganti kecuali bercanggah dengan falsafah Melayu Islam Beraja;
- ii. Nama yang mempunyai tanda nama jalan raya di lapangan;
- iii. Bergantung pada keramaian penduduk yang beralamatkan nama jalan raya tersebut dan tertera dalam **kad pintar** penduduk berkenaan;
- iv. Nama-nama bersempena nama tempat yang menjadi sebutan orang ramai bolehlah dipertimbangkan.

Contoh : **Jalan Muara** dan **Jalan Gadong**

1.2 Bertepatan dengan Pembangunan di sekelilingnya

- i. Nama-nama bersempena nama tempat yang dimajukan akan diberi keutamaan.

Contoh: Penamaan **Jalan Dang Kumala** tidak bersesuaian, kerana tempat tersebut merupakan kawasan *pusat simulasi* dan perlu diambil perhatian untuk dipertimbangkan.

1.3 Memperingati Jasa Seseorang yang Terkenal atau Pembesar Negara

- i. Penamaan tempat awam dengan menggunakan nama orang tidak digalakkan. (Sila rujuk Prinsip Utama Penamaan - Bilangan 8: Penggunaan Nama Orang).
- ii. Penamaan jalan raya hendaklah menggunakan nama gelaran sahaja dan tidak termasuk nama persendirian.

1.4 Duplikasi Nama

- i. Duplikasi nama dalam satu kawasan (kampung atau daerah) hendaklah dielakan bagi menghindarkan kekeliruan atau kesalahfahaman;
- ii. Penamaan jalan raya hendaklah diselaraskan dengan nama tempat atau Kawasan;
- iii. Penggunaan nama yang sudah ada memerlukan penerangan yang jelas.

Contoh: **Jalan Padang** dan **Jalan Pemancha** yang terdapat di **Daerah Brunei Muara** dan **Daerah Belait**

1.5 Nama-nama Jalan Raya di antara Pusing Keliling

Jalan raya yang jaraknya panjang di antara pusing keliling dengan jalan raya seterusnya hendaklah menggunakan satu (1) nama sahaja bagi menyenangkan orang ramai.

Contoh:

Jalan Menteri Besar di antara pusing keliling Jalan Perdana Menteri
Jalan Wasai Limuru terputus oleh lima pusing keliling

1.6 Penggunaan Nombor atau Huruf mengikut *Geographical Grid*

- i. Jika tidak mempunyai nama yang bersesuaian, petanda jalan raya tersebut hendaklah diberi nombor atau huruf di hujungnya.

- ii. Jika menggunakan nama yang digemari ramai, nombor atau huruf hendaklah disertakan dihujungnya mengikut *Geographical Grid (distance)*.

Contoh: **Jalan Pandan Satu, Jalan Pandan Dua dan Jalan Manggis Satu**

1.7 Mengambil Sejarah Tempat Berkenaan

Digunakan dan diambil daripada nama-nama tempat dan kawasan bersejarah.

Contoh: **Jalan Mahkota**

1.8 Mengambil Sempena Nama Tempat dan Geografi

- i. Digunakan dan diambil dari nama-nama geografi.
- ii. Penamaan jalan raya yang menggunakan nama geografi hendaklah mengutamakan nama geografi daripada aktiviti lain.

1.9 Mengangkat Imej dan Identiti Kebruneian

Bertepatan dengan pembangunan di sekelilingnya.

Contoh : **Jalan Universiti** dan **Jalan Jame'Asr**

2. Penamaan Nama Jalan Raya yang Panjang

- i. Kesesuaian nama dengan jalan raya yang dicadangkan. Nama-nama bersempena nama tempat yang dimajukan boleh juga dipertimbangkan (jika bersesuaian) . Nama-nama berkenaan mestilah betul dari segi tatabahasa, ejaan dan istilahnya. Maksimum perkataannya ialah empat perkataan sahaja.

Contoh: **Lebuh Raya Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah**

Jalan Lapangan Terbang Antarabangsa

Jalan Komersial Jaya Setia

- ii. Pemberian Nama Akronim (*acronames*) seperti yang berikut:

Contoh: **Raja Isteri Pengiran Anak Saleha - RIPAS**

Lapangan Terbang Antarabangsa - LTA

3. Nama Pusing Keliling dan Jejambat

- i. Menamakan pusing keliling dan jejambat yang baru, atau yang sedia ada, dengan menggunakan nama jalan raya setempat yang telah ada;
- ii. Penamaan pusing keliling dan jejambat yang panjang perlulah menggunakan singkatan sahaja. Singkatan bagi Pusing Keliling ialah PK, manakala Jejambat boleh disingkatkan menjadi JJB.

Contoh: **Pusing Keliling Jame’ ‘Asr** menjadi **PK Jame’‘Asr**

Jejambat Kompleks Jabatan Kerajaan menjadi **JJB Kompleks Jabatan Kerajaan**

- iii Mengikut singkatan garis panduan nama geografi melainkan partikel dan kata sendi dalam nama tersebut. (Sila rujuk Prinsip Utama Penamaan - Bilangan 4: Bentuk Tulisan)

Contoh: **Bukit** menjadi **Bkt.**

Sungai menjadi **Sg.**

4. Penggunaan Perkataan Lorong

Penggunaan perkataan lorong juga boleh diguna pakai mengikut kesesuaian saiz dan ukuran jalan raya.

Contoh: **Lorong Jintan Manis, Lorong Bebatik** dan **Lorong Gerai Timur**

GLOSARI	
UNGEGN	
JKNG	
ASEPSW division	
UN-ECOSOC	
ASE	
OHO/OIC	
IHO/OC	
PBB	
Falasafah MIB	
Pangkalan Data Nama	
Gazetir	
7 Puak Jati Brunei	
GSM	
GMS	
GMC	
MPK	
QPO	
GPS	
UKUR001	
UKUR084	
SUT	
BSB	
JU	
KJTU	
PBG	
SG.	
KG.	
JLN.	

BKT	
Tj.	
Cardinal	